

DEWAN MAJLIS**Isnin, 12 Jamadilakhir 1437 / 21 Mac 2016****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL. Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang
pada pukul 9.00 pagi****Yang Dimuliakan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini iaitu hari yang kedua belas, 12 Jamadilakhir 1437 bersamaan 21 Mac 2016, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama sekali lagi hadir di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara

yang bersidang bagi hari yang kedua belas ini. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Saiyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada petang hari Sabtu yang lepas, kita telah selesai meneliti kesemua Tajuk dan Jadual dari Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 secara terperinci. Rang Undang-Undang ini telah dicadangkan sebagaimana yang kita fahami bersama oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) yang telah dibaca bagi kali pertama sebagai notis pemberitahuan tentang Usul Belanjawan di persidangan ini. Ia juga telah dibaca kali keduanya dan kita telah duduk meneliti tentang kepentingan dan kesan terhadap usul tersebut dan pada itu juga segala persoalan telah pun dijawab dan dijelaskan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang berkenaan.

Dalam meneliti dan menimbangkan Rang Undang-Undang ini satu persatu, kita telah membahaskan kesemua Tajuk yang terdapat dalam Jadual ini dengan terperinci di Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa Sepenuhnya yang segala pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan. Oleh yang demikian, sebagai prosedur perundangan Rang

Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) akan dibaca bagi kali ketiga sebelum ia kita luluskan untuk dijadikan Akta. Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua):

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**" telah pun dipertimbangkan dalam persidangan Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tidak ada apa-apa pindaan.

Oleh yang demikian, saya mohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dapat dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya untuk diluluskan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah menyatakan supaya Rang Undang-Undang Yang Bergelar "**Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**" untuk dibaca bagi kali ketiga. Adakah antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyokong cadangan ini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya menyokong sepenuhnya cadangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dengan sepenuhnya. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dengan ini telah dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya diluluskan. Cadangan itu telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju akan cadangan ini? Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju secara sebulat suara. Maka **Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 ini diluluskan.**

Yang Dimulihkan Jurutulis: "Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai meluluskan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 dan ia akan mula berkuat kuasa pada **1 April 2016**. Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita beralih kepada Perkara VIII daripada Susunan Kerja Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Perkara VIII, iaitu Ketetapan di bawah Fasa 83(7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan saya menerangkan secara ringkas mengenai Kertas yang dibentangkan di atas meja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sebanyak 28 Perintah-Perintah telah disenaraikan dan Perintah-Perintah tersebut telah pun dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk diguna pakai.

Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa sebahagian daripada Perintah-Perintah ini sudah pun berjalan dan diguna pakai pada tahun 2015, dan sebahagian lagi telah mula berjalan pada tahun ini. Kesemua Perintah ini telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-ahli Yang Berhormat Perintah-Perintah ini telah pun diteliti dengan sehalus-halusnya dengan tujuan memastikan ia berjalan dengan teratur. Oleh sebab Perintah-Perintah ini telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka saya berpendapat tidaklah perlu kita

membahaskan dan sebaliknya lebih bersesuaian untuk diluluskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Keterangan ringkas mengenai Perintah-Perintah yang saya sebutkan seperti terdapat dan tersenarai dalam Kertas Majlis Mesyuarat Negara No.1 Tahun 2016. Oleh yang demikian, izinkan saya sekarang untuk mencadangkan sebuah ketetapan yang berbunyi:-

“Majlis ini membuat ketetapan menurut Fasal 7, Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan majlis ini sebagai Kertas No. 1 Tahun 2016 adalah masing-masing mulai dari tarikh Perintah itu diluluskan.”

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mencadangkan satu Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, adakah antara Ahli Yang Berhormat yang menyokong cadangan ini?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Bismillahir

Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya akan cadangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun mengemukakan satu Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, dan perkara ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Sebagaimana jua yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi, bahawa kebanyakannya ataupun kesemua Undang-Undang yang disenaraikan dalam Kertas No. 1 Tahun 2016 telah pun diluluskan secara *Emergency Orders* dan sebahagian Undang-Undang tersebut telah pun berjalan dan berkuat kuasa pada masa ini.

Oleh yang demikian, saya juga berpendapat bahawa perkara ini tidak perlu untuk dibahaskan lagi. Maka ada baiknya Ketetapan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ini diundi. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Alhamdulillah semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan sebulat suara. Maka ketetapan ini diluluskan.

Yang Dimulikan Jurutulis: Ketetapan yang kedua, di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggagal 136) akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di dalam Dewan yang mulia ini untuk mencadangkan bahawa **"Majlis ini menetapkan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4(2) dari Akta Wang Kemajuan (Penggagal 136), bagi Perbelanjaan sejumlah \$700,000,000.00 untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan daripada Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan terutama sekali disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2016/2017**

dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2016."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Butir-Butir Perbelanjaan Kemajuan dalam tahun tersebut dinyatakan dalam Anggaran-Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun itu yang dibentangkan di atas meja sebagai Kertas No. 2 Tahun 2016.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Cadangan Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ini telah pun kita bincangkan secara terperinci dan panjang lebar dalam satu sidang Jawatankuasa dan telah pun diluluskan dengan tiada pindaan.

Maka, saya sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut sebagaimana yang telah dirancang.

Dari itu, saya sukacita mencadangkan supaya "Majlis ini menetapkan menurut Bab 4(2) dari Akta Wang Kemajuan (Penggagal 136) bahawa Perbelanjaan sejumlah \$700,000,000.00 untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan terutama disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2016/2017 dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2016."

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah mencadangkan sebuah Ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggalaan 136). Adakah di antara Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk menyokong mengenai cadangan ini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah mengemukakan "**Satu ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan Penggalaan 136 Negara Brunei Darussalam**", dan cadangan ini telah pun mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebagaimana yang dinyatakan tadi bahawa semua Peruntukan Wang

Kemajuan ini telah pun diluluskan dan dijadikan Akta. Oleh yang demikian, perkara ini tidaklah perlu untuk dibahaskan lagi.

Maka, ketetapan ini sekarang bolehlah diundi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk meluluskannya sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Alhamdulillah, semua Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka ketetapan ini diluluskan.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Perkara IX. Ucapan-ucapan Penangguhan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mencadangkan untuk menangguhkan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menyampaikan ucapannya, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa mengikut Peruntukan 35 Ceraian 4, Peraturan Majlis Mesyuarat Negara bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat hanya dibenarkan untuk berucap dan Ucapan Penangguhan masing-masing tidak melebihi 10 minit.

Walau bagaimana pun, sekiranya ada keperluan yang tertentu, maka tempoh itu bolehlah kita lanjutkan. Oleh yang demikian, saya sekarang menjemput Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membuat Ucapan Penangguhannya. Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Alhamdulillah
Rabbil Alamien, Wassalatu
Wasalamua'ala Asrafyil Mursalin Wa'ala
Alihi Wasahbihi Ajmaien.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sungguh bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita telah dapat bersidang selama 12 hari dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara 2016.

Alhamdulillah, kita telah dapat meluluskan beberapa Akta penting, khususnya Akta Perbekalan, 2016/2017. Dengannya insya-Allah akan membolehkan kerajaan untuk melaksanakan rancangan pembangunan negara demi meningkatkan tahap kemajuan ekonomi dan sosial bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Sebelum saya meneruskan ucapan ini, saya bagi pihak Ahli-ahli Rasmi Kerana

Jawatan iaitu Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-ahli Yang Dilantik dengan penuh hormat sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kewibawaan dalam memimpin Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara kita dengan sungguh lancar dan teratur lagi efisien.

Demikian juga Yang Berhormat Yang Di-Pertua, telah memberikan kesempatan dan laluan yang luas kepada Ahli-ahli Yang Dilantik untuk mengemukakan pengamatan dan pandangan serta soalan-soalan kepada Ahli-ahli di pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan dan jawapan. Dengannya, kita telah dapat meneliti dan membahaskan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 dalam suasana permuzakarahan dan hormat menghormati selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Permesyuaratan Majlis Mesyuarat pada kali ini, jauh berbeza daripada tahun-tahun sebelum ini kerana berlangsung dalam keadaan negara menghadapi cabaran besar akibat ekonomi global yang merudum dan berkurangnya pendapatan negara akibat dari turunnya harga minyak mentah yang memberi impak langsung kepada negara ini.

Walau bagaimanapun, kita telah dapat juga membincangkan dengan penuh kesepakatan hala tuju program-program kerajaan bagi tahun 2016/2017 yang memfokuskan kepada usaha kerajaan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengukuhkan iklim perekonomian bagi mendukung pembangunan berterusan. Keutamaan-keutamaan telah dikenal pasti bagi mencapai hala tuju melalui pelbagai usaha yang melibatkan bukan sahaja pihak kerajaan malahan pihak swasta, masyarakat dan setiap individu di negara ini.

Kepentingan untuk mengurangkan kebergantungan pada minyak dan gas melalui usaha menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) dan menyediakan suasana perniagaan yang kondusif seperti inisiatif *Ease of Doing Business* telah dibahaskan. Penekanan kepada pendekatan *Delivery approach* dan perbelanjaan yang berhemah untuk penghasilan impak dan penambahan nilai dalam apa jua inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan juga telah dikupas dengan mendalam sepanjang perbahasan kali ini.

Sekali lagi, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan baginda masih mampu untuk menyediakan peruntukan kewangan munasabah bagi Peruntukan Kewangan 2016/2017 demi memelihara ketenteraman dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah,

sepanjang tempoh kita membahaskan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 kita di dewan ini telah dapat membincangkan berbagai isu, masalah dan persoalan serta mendengar berbagai-bagai pandangan dan cadangan daripada masalah ekonomi global sehingga kepada perkara biasa yang dianggap signifikan kepada kehidupan dan kesejahteraan seperti jalan berlubang, tekanan air yang rendah dan pembuangan sampah-sarap.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas pandangan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada cadangan-cadangan yang disuarakan itu memerlukan pihak kerajaan untuk membuat penilaian yang sehalus-halusnya dan penelitian yang mendalam terutama yang melibatkan peruntukan yang mungkin belum bersesuaian untuk dilaksanakan dalam keadaan negara mengalami kekurangan pendapatan (*fiscal deficit*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dari pengamatan saya, terdapat perbincangan dan isu-isu yang ditimbulkan masih bersifat bukan strategik sebagaimana juga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan

Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini yang menyarankan betapa pentingnya perbincangan memfokus kepada perkara-perkara strategik yang membawa impak kepada negara.

Walau bagaimanapun, masih ada saranan-saranan mahupun buah fikiran dan soalan-soalan yang bersifat peribadi dan isu yang dibangkitkan nampaknya memerlukan kajian mendalam mengenainya. Soalan-soalan atau isu-isu yang dibangkitkan juga seperti sudah dapat diramal *trend*nya dan majoriti adalah bertahap *operational*.

Dalam hal ini, saya menyarankan bagi isu yang dapat ditangani dengan segera, untuk dapat dibawa ke kementerian-kementerian untuk diambil tindakan tanpa menunggu tibanya Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara.

Oleh itu, saya juga dengan penuh hormat mencadangkan ada baiknya bagi soalan yang hendak dibangkitkan/dibahaskan dan dikongsikan bersama Ahli-ahli Yang Berhormat lebih dahulu untuk memastikan ia adalah strategik dan pada masa yang sama diteliti untuk mengelakkan daripada soalan yang sama dikemukakan berulang kali.

Sesi perbahasan juga akan lebih bermanfaat dan menarik jika ia berkisar mengenai bagaimanakah kita iaitu kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam dapat bersama-sama memikirkan bentuk cabaran yang akan ditempuhi dan pelan tindakan yang

sesuai untuk menanganinya. Ini bertepatan dengan situasi negara kita yang sudah mencapai Kemerdekaan Ke-32 tahun dan hanya lebih kurang 20 tahun sahaja lagi melangkah Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan keadaan ekonomi yang semakin mencabar, kita tidaklah dapat bersikap leka (*compliance*) dan perlu sedar yang perjalanan di hadapan kita tidaklah mudah, dengan rakyat yang semakin berpendidikan dan kehendak (*expectation*) mereka yang semakin kompleks. Kita perlulah bersedia untuk menanganinya dengan pantas, inovatif lagi efisien. Cabaran sumber tenaga manusia yang terhad dan keadaan ekonomi global yang semakin kompetitif malah *volatile* dan sukar diramal, juga tidak lagi membolehkan kita beroperasi dengan *business as usual*.

Kita perlu bersatu dalam memastikan ekonomi kita akan terus berkembang dan berdaya tahan demi masa depan generasi anak cucu kitani di Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini. Tanggungjawab kita bukan hanya terhadap kepada menjaga kebajikan dan kesejahteraan generasi yang ada pada masa ini, kita juga bertanggungjawab untuk memastikan kemakmuran yang kita nikmati masa ini, insya-Allah akan dapat dirasakan oleh generasi yang akan datang.

Sesungguhnya tindakan-tindakan yang kita ambil pada masa ini, akan memberi implikasi kepada generasi yang akan

datang. Apa yang kita lakukan sekarang mungkin sukar, pahit dan perit untuk diharungi akan tetapi kita harus melihat ini sebagai satu pelaburan masa depan. Kita memanglah tidak dapat meramal masa depan namun ia satu amanah untuk kita memastikan masa depan anak cucu dan negara kitani dengan izin Allah terjamin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya melihat segala cabaran yang ada pada masa ini sebagai satu hikmah dan *opportunity* kepada kita. Inilah saat yang penting untuk kita bersama-sama mendefinisi harapan dan aspirasi yang sama (*share hope and aspiration*).

Dengan ini, saya menyeru bagi kita semua untuk bekerja keras dan komited maju ke hadapan untuk membina masa depan yang kukuh bagi Negara Brunei Darussalam. Untuk merealisasikan semua ini, ia memerlukan perubahan minda (*mindset*).

Kita perlu mulakan perubahan ini dari dalam diri sendiri terlebih dahulu. Perubahan minda kepada yang lebih berkembang (*growth mindset*) akan membolehkan kita mampu memikirkan cara baharu dalam menangani apa jua isu yang dihadapi secara berlainan (*different way of doing things*). Sampai bilakah kita akan bersikap sentiasa berharap dan meminta-minta kepada kerajaan dalam apa jua hal dan terus-menerus menyuarkan masalah terutamanya melalui media sosial. Bukankah sudah tiba masanya pemikiran kita berubah iaitu sama-sama

memberi buah fikiran dan mencari jalan penyelesaian apa jua permasalahan yang kita hadapi pada masa ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Izinkan saya menimbulkan di sini sebagai misalannya, isu sampah yang dibuang di merata-rata tempat baik dalam kawasan bandaran, luar bandar, kawasan perumahan dan perindustrian di negara ini. Saya percaya ia berkait rapat dengan *mentality, mindset* ataupun sikap.

Pada hemat saya isu sampah mungkin sahaja tidak timbul jika setiap individu mempunyai tanggungjawab dan berperanan untuk sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, menganggap atau menyifatkan memelihara kebersihan rumah dan sekitarnya menjadi keperluan dan kewajipan sebagaimana jua rumah memerlukan bekalan air dan elektrik. Isu sampah dapat diatasi atau dikurangi jika semua orang menganggap memelihara kebersihan rumah dan persekitarannya suatu kemestian atau keperluan hidup.

Pelanggan telefon bimbit di negara ini sudah melebihi 500 ribu, jauh lebih tinggi daripada jumlah penduduk seramai 411,900 orang. Jika memiliki telefon bimbit sudah menjadi satu kemestian dan kita mampu berbelanja setiap minggu dan bulan, mengapa kita tidak mahu berbelanja menjaga kebersihan yang kita anggap penting dalam kehidupan bernegara.

Seterusnya, saya berpendapat pihak komuniti pula boleh memikirkan cara

menangani pembuangan sampah dengan pendekatan keusahawanan (*entrepreneurial*) yang sudah setentunya bukan sahaja akan dapat menjamin alam sekitar yang bersih malahan menjana peluang pekerjaan kepada anak-anak muda di kampung dan mukim berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Natijah daripada perkara ini ialah sikap, sikap bertanggung jawab. Ada orang yang ingin menyerahkan masalahnya untuk orang lain menyelesaikannya. Ada orang yang ingin dan mengharap kerajaan untuk menyelesaikan masalahnya, sedangkan kebersihan suatu yang dituntut oleh agama Islam.

Menggunakan isu sampah sebagai analogi, saya amat khuatir, isu besar di hadapan kita ialah masalah defisit kewangan, kekurangan pendapatan negara, keadaan global yang tidak menentu dan sukar diramal, tidak akan dapat diatasi dengan jayanya jika ada orang yang bersikap hanya ingin menyerahkan segala penyelesaiannya atau cara mengatasinya kepada kerajaan sahaja.

Dari aspek kesihatan pula, dengan adanya minda dan tanggungjawab tinggi untuk menjaga kesihatan sendiri ia sudah setentunya akan dapat membantu setiap individu itu akan menjadi sentiasa sihat produktif dan membantu meringankan beban kos penjagaan kesihatan di negara ini. Dapatlah kita lihat yang rakyat dan pihak kerajaan perlu bekerjasama dalam

membangunkan sistem sosial dan ekonomi yang berdaya tahan. Rakyat yang berfikiran positif akan dapat memastikan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa terus berada di hadapan. Sebagai jentera kerajaan, kita di Dewan yang mulia ini mestilah bersatu bersama rakyat dan memastikan setiap individu akan memainkan peranan dalam pembangunan negara. Kita sudah ada impian dan aspirasi untuk direalisasikan iaitu Wawasan Brunei 2035.

Cabaran sudah setentunya ada menunggu kita, saya bersetuju dengan pandangan rakan-rakan Ahli Rasmi kerana Jawatan yang menyatakan bahawa ini bukanlah lagi masanya bagi kita mempersoalkan tetapi apakah kita akan mampu mencapai Wawasan Negara 2035?. Untuk kita bersedia melaksanakannya dan bertanya pula apakah peranan dan sumbangan kita mencapai aspirasi negara.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama, sebagai *whole nation* melangkah ke hadapan melakar lembaran dan seterusnya menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang cemerlang lagi dihormati dengan ekonomi yang berkembang dan rakyat yang berkualiti dan bernilai tinggi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, maka saya mengusulkan agar Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 2016 ini ditangguhkan.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sukacita merekodkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan seluruh kakitangan Majlis Mesyuarat Negara yang telah menyediakan persiapan sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dengan penuh efisien dan dengannya melancarkan lagi perjalanan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini sesuai dengan Anggaran Belanjawan 2016/2017 mengukuhkan iklim perekonomian dan bagi mendukung pembangunan berterusan.

Akhirnya, marilah kita renungkan bersama petikan Syair Perlembagaan Negara Brunei Darussalam oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali saifuddien Sa'adul Khairi Waddien yang berbunyi:

Bertulus ikhlas membuat kerja,
Jangan hendaknya disenghajikan sahaja,
Jangan berperangai lekaskan manja,
Sebab tak dapat maksud dipuja.

Untuk kebajikan bangsa masyarakat,
Untuk kesenangan handai sahabat,
Bagi kemakmuran negara yang berkat,
Mudahan keamanan akan berlekat.

Harum semerbak bunga serumpun,
Usaha dan ikhtiar dapat disusun,
Menjalankan pekerjaan sama berhimpun,
Salah dan khilaf ampun berampun.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penungguhan yang kedua yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Wassalamuala Manit Taba'al Huda.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Alhamdulillah
Rabbil'alameen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een Amma Ba'du. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dalam Ucapan Penungguhan ini, kaola suka mengalih pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sebarang kejadian yang berlaku kepada seseorang atau kepada sesuatu masyarakat sebuah negara di dunia ini tidak terlepas daripada kehendak Allah 'Azza Wa Jalla sebagai Tuhan yang mencipta dan mentadbir seluruh alam. Manusia disuruh berikhtiar, berusaha dan bekerja menurut potensi masing-masing. Sebagai sifatnya khalifah Allah Ta'ala di muka bumi ini dan sebagai hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Selain sebagai khalifah dan hamba Allah, Allah menghidupkan kita di dunia

ini adalah untuk diuji sama ada kita berbuat yang terbaik atau sebaliknya dan sama ada kita benar-benar mematuhi petunjuk-petunjuk Allah atau sebaliknya. Dalam Al-Quran Surah Al-Mulk Ayat 2, Allah Subhanahu Wata'ala Allah berfirman:-

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ
الْغَفُورُ ﴿٢﴾

Tafsirnya:

"Dia yang mencipta mati dan hidup untuk menguji siapakah antara kamu yang lebih baik amalannya dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun".

Jangka banyak bentuk ujian Allah itu ialah pada harta dan diri manusia itu sendiri sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-'Imran Ayat 186:-

'Auzubillahiminasaitannirojim

لَتَبْلُوَكُمْ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ

Tafsirnya:-

"Demi sesungguhnya kamu akan diuji pada harta dan diri kamu termasuklah juga kepada kesusahan dan kesenangan".

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam suratul Anbiya Ayat 35:-

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَبَلَّوْكُمْ بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا
تَرْجِعُونَ ﴿٣٥﴾

Tafsirnya:-

"Tiap-tiap yang bernyawa akan merasakan mati dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan dan kepada Kami kamu akan dikembalikan untuk dihisab dan menerima balasan".

Selain daripada itu, ujian-ujian itu Allah itu termasuklah juga menimpakan sedikit ketakutan, kelaparan atau kekurangan harta benda, kekurangan jiwa serta kekurangan buah-buahan. Firman Ta'ala Allah dalam Surah Al-Baqarah Ayat 155-157:-

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِنَ الْأَمْوَالِ
وَالْأَنْفُسِ وَالْأَمْوَالِ وَالشَّمْرِ وَبَشِيرِ الضَّالِّينَ ﴿١٥٥﴾

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾
أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِنْ رَبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

Tafsirnya:

"Dan demi sesungguhnya Kami pasti menguji kamu dengan sedikit perasaan takut, kelaparan dan kekurangan harta benda, jiwa dan buah-buahan kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak di atas ujian itu. Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar iaitu apabila orang-orang yang ditimpa suatu musibah mereka berkata inna lillahi wa inna ilaihi raji'un, "sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya jua lah kembali." Itulah orang yang mendapat keampunan daripada tuhan mereka dan mendapat rahmat-Nya dan mereka itulah orang-orang yang mendapat hidayah."

Dari ayat-ayat Al-Quran itu dapatlah kita memahami bahawa kita sentiasa terdedah kepada ujian-ujian Allah. Sebelum tahun 2014 harga minyak melebihi USD\$100 setong tetapi sesudah itu harga minyak semakin merudum hingga akhirnya sekitar USD\$30 setong. Harga gas pun turut turun berikutan turunnya harga minyak itu, kerana itu penghasilan negara kita turut terjejas, apa lagi ekonomi negara kita banyak bergantung pada sektor minyak dan gas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Jika kita melihat perihal jatuh bangunnya sesuatu bangsa dunia ini nescaya kita dapati ada di antara bangsa itu boleh bangun semula setelah dilanda peperangan dan kerosakan yang parah misalnya bangsa Jepun dan Jerman yang mengalami kekalahan dalam Perang Dunia II telah bangkit semula dengan penuh semangat dan kerja keras sehingga kedua-dua bangsa itu muncul mempunyai negara yang maju dan menjadi ekonomi yang terkuat di dunia.

Kita boleh mendapat inspirasi dari semangat dan kerja keras dari kedua-dua bangsa tersebut dalam kita melangkah menuju Wawasan Brunei 2035. Sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dalam keadaan sekarang ini patutlah memulakan langkah bergerak dan bekerja keras memajukan diri untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan untuk memperkasa ekonomi masing-masing sesuai dengan


kebolehan dan potensi masing-masing dan lain-lain langkah yang bersesuaian.

Di samping kita tidak lupa memohon pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala memohon petunjuk-Nya. Menyentuh sedikit tentang Belanjawan Negara 2016/2017, kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah membuka hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengurniakan Peruntukan Belanjawan Negara bagi Tahun 2016/2017 walaupun berkurangan \$300 milion daripada tahun 2015/2016 namun masih mampu memperuntukkan untuk membiayai beberapa projek-projek mega dan projek lainnya dan masih mampu membayar gaji-gaji pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dan meneruskan pembayaran pencen, bantuan dan lain-lain kepada para penerima.

Cuma agak sedikit sayang dalam bajet tersebut peruntukan pembinaan masjid ditangguhkan. Pada hemat kaola sangatlah elok jika pihak kerajaan dapat mempertimbangkan untuk membina sebuah atau dua buah masjid pada Tahun 2016/2017 bagi menunjukkan bahawa kerajaan masih memberikan perhatian khusus dan serius kepada perkara ini untuk meninggikan syiar-syiar Islam sesuai dengan firman Allah:-

Subhanahu Wata'ala dalam Surah Muhammad Ayat 7:-

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنْ تَنصُرُوْا اللّٰهَ يَنْصُرْكُمْ
وَيُثَبِّتْ اَقْدَامَكُمْ



Ertinya: "Wahai orang-orang yang beriman jika kamu menolong menegakkan agama Allah Subhanahu Wata'ala nescaya dia menolong kamu dan meneguhkan pendirian kamu."

Sebahagian daripada Peruntukan Kemajuan Negara mungkin boleh diberikan bagi maksud itu. Mudah-mudahan dengan demikian, kita dapat meraih keberkatan dan pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala untuk kita keluar daripada kesulitan yang kita hadapi.

Akhirnya, kaola ingin mengongsikan sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam untuk diamalkan oleh setiap orang Islam bagi maksud terhindar dari kefakiran, baginda sallallahu alaihi wassallam dalam satu hadis bersabda yang bermaksud;

"Sesiapa yang membaca Surah Al-Waqi'ah setiap malam nescaya dia tidak akan ditimpa kefakiran buat selama-lamanya."

Hadis tersebut tidaklah bermakna dengan hanya mengamalkan membaca Surah Al-Wa'qiah pada setiap malam secara automatik kita tidak ditimpa kefakiran ia mestilah juga disertai dengan ikhtiar dan usaha serta juga kerja keras untuk keluar daripada keadaan fakir itu. Wallah hu 'alam.

Akhirnya kaola mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Di-Pertua kerana telah berjaya memimpin Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun

lepas dan tahun ini dengan teratur dan lancar serta dengan suasana muhibah. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Assalamu Ala Manit Taba'al Huda. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penungguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuarat Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun sampai ke penghujung dengan jayanya. Sepanjang sesi perbincangan dan perbahasan kita di Dewan yang mulia ini berjalan dengan lancar dalam suasana muhibah, semangat permuzakarahannya dan hubungan silaturahim yang mantap tanpa menunjukkan atau menimbulkan perasaan emosi kedua-dua belah pihak, syukur alhamdulillah.

Bagi memenuhi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dii-pertuan Negara

Brunei Darussalam melalui titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu 5 Mac 2016 yang lepas, baginda bertitah "Apa juga permasalahan itu perlu ditangani dengan baik dan sempurna dengan jalan berbincang ataupun berunding." Semoga usaha-usaha yang kita buat akan menghasilkan buah yang baik untuk semua.

Majlis Mesyuarat Negara telah menyahut titah baginda dengan memainkan peranan dalam membincangkan dan membahaskan isu utama seperti agama, pembangunan, hal-ehwal dalam negeri, pendidikan dan yang menjadi fokus utama ialah untuk memperkasa ekonomi negara termasuk sektor swasta.

Dalam kesempatan, ini kaola sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah memimpin permesyuaratan ini dengan sabar, tenang dan penuh bijaksana serta memberi peluang yang saksama kepada semua ahli untuk mengutarakan soalan-soalan serta meneliti penjelasan setiap isu yang ditimbulkan oleh pihak abis kaola sebagai Ahli Yang Dilantik.

Kaola juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan yang mendengar dan seterusnya memberi komen dan penerangan yang terperinci terhadap usul-usul dan pertanyaan yang

dikemukakan. Kaola juga mengucapkan tahniah kepada Menteri-menteri kabinet yang baharu dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara kerana mereka mampu menampakkan keupayaan yang membanggakan.

Tidak lupa ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Ahli-ahli Kabinet yang telah bersara yang pernah bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini pada tahun-tahun yang lalu, mudah-mudahan mereka dilimpahi rahmat Allah atas jasa dan bakti yang pernah mereka taburkan untuk negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah sepanjang hampir 2 minggu kita berbincang di Dewan yang mulia ini banyak isu, kemusykilan dan saranan telah dibincangkan, pembentangan kertas cadangan, Rang Undang-Undang (2016) Perbekalaan, 2016/2017 yang membawa tema: "Mengukuhkan Iklim Perekonomian Negara bagi Mendukung Pembangunan Berterusan", memberi mesej yang cukup kuat akan penekanan kerajaan dalam memudah cara aktiviti perniagaan dan pelaburan bagi memperkasa ekonomi negara.

Dengan keadaan dunia yang tidak menentu, menjadi satu cabaran besar bagi negara kita akan tetapi, tidak mustahil bagi mencapai apa yang dihasratkan. Pada pandangan kaola, untuk menjayakannya kita sama ada yang berkhidmat di sektor awam mahupun sektor swasta adalah jentera penggerak negara yang perlu diberi fokus lebih dahulu. Pantas atau

lambatnya jentera penggerak ia memberi kesan yang jelas kepada ekonomi negara. Dari itu, kita perlu mengubah *mindset* kita ke arah yang lebih positif, produktif dan berdaya saing.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pada kelazimannya untuk menerima sesuatu perubahan biasanya memakan masa. Dalam perkara ini, sedari awal kita perlu mengasuh anak-anak dan belia sekarang untuk menjadi pembela bangsa dan negara serta membentuk belia yang kukuh jati diri, berani untuk tampil ke hadapan, menyumbang ke arah kemantapan ekonomi negara.

Persiapan dalam membina kapasiti dan modal insan ini memerlukan pelaksanaan pendidikan dan latihan yang berkualiti dan holistik. Untuk melaksanakannya, kaola yakin, tenaga kemahiran dalam kalangan rakyat dan warga tempatan yang sedia ada ini boleh melakukannya. Kita cuma perlu memberi peluang untuk menonjolkan kebolehan dan keistimewaan yang dimiliki tanpa dibayangi oleh tenaga mahir dari luar negara, kecuali yang benar-benar dikehendaki ataupun diperlukan.

Kaola rasa sudah sampai masanya kita perlu menjadi masyarakat yang matang. Masyarakat yang matang ialah mereka yang mempunyai mentaliti dan sikap keusahawanan, senantiasa 'berkarir' (berusaha) sanggup berusaha tanpa putus asa, mahu 'berjarah' (bersusah payah) tanpa mengharap bantuan dan 'balurih' (berezeki) atas usaha sendiri.

Nilai-nilai beginilah yang perlu kita, selaku orang Brunei, pertahankan di samping mendukung konsep Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir. Cekal berhadapan dengan apa jua bentuk cabaran yang akan melanda.

Sepanjang Permesyuaratan, pegamatan kaola, antara usul yang telah kaola kemukakan, kaola berpendapat usul mengenai penggunaan lebih wang zakat diharap akan lebih dikaji dengan lebih lanjut lagi kerana, ia boleh memberi kesan yang positif bukan sahaja kepada penerima bahkan juga kepada kerajaan.

Selain itu, usul kaola kepada Kementerian Kesihatan berhubung dengan cadangan kaola untuk menunjukkan harga kepada sampul ubat-ubatan, kaola berharap dapat dipertimbangkan. Kaola percaya, akan menjadi titik permulaan bagi agensi-agensi kerajaan yang lain dalam memikirkan pendekatan untuk memupuk sikap menghargai, berjimat cermat serta menghindarkan pembaziran dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini.

Kaola mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan dan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, atas kerjasama yang diberikan kepada saya dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing sepanjang Permesyuaratan. Mudah-mudahan segala apa yang kita bincangkan dan bahaskan di dalam Dewan yang mulia

ini akan membuahkan hasil, demi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara kita.

Kaola mengakhiri Ucapan Penangguhan ini dengan beberapa rangkap pantun:-

Indera Perkasa mudik ke hulu,
Hujan berlari dibawa awan,
Tidak terasa waktu berlalu,
Lima tahun menjadi ahli dewan.

Jangan diambak titian buluh,
Buluh disusun bawah kual,
Sembah dirampak jari sepuluh,
Menjunjung kasih Kehadapan Duli.

Buah padi dalam takiding,
Takiding disangkut di pohon sena,
Budi Yang Di-Pertua tidak terbanding,
Memimpin dewan penuh bijaksana.

Banyak tulangnya si ikan bilis,
Direbus bersama buah berangan,
Sekalung budi buat Jurutulis,
Akan senantiasa dalam kenangan.

Penghabisan sekali kaola akan
membacakan pantun ini. Ini
bersemangat sedikit:-

Cendrawasih burung yang sakti,
Turun bersarang di Bukit Bendera,
Yang Berhormat di sebelah sana
teruskan bakti,
Demi bangsa, agama dan negara.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Untuk Ucapan Penangguhan ini, izinkan kaola bagi menyampaikannya dalam bahasa Inggeris dan bahasa 'pasar':-

1. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Dilantik Mewakili Daerah-Daerah yang telah menimbulkan isu kerakyatan pada tahun lepas dan juga pada tahun ini. Kaola sangat menyokong hal ini.

Pada pandangan kaola, laporan yang dibuat di media sangat mengelirukan ataupun *confusing*. Ini boleh menjejaskan *Foreign Direct Investment (FDI)*.

Seperti yang dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dahulu dan Menteri sekarang iaitu dengan menyatakan bahawa "*passing examination does not guarantee your citizenship*".

Untuk makluman, mereka telah menerima surat rasmi daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang menyatakan mereka 'LULUS' Peperiksaan Kerakyatan Secara Pendaftaran Di Bawah Bab 5 (1) - Akta Taraf Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang keputusannya akan diumumkan kemudian.

Dalam Dewan yang mulia ini, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri perlulah menghalusi komen dengan menyatakan bahawa permohonan mereka ini masih dalam proses dan demikian para pemohon akan berasa yakin untuk menunggu Sijil Kerakyatan mereka.

Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri perlulah juga melakukan siasatan lebih dahulu seperti yang dinyatakan dalam garis panduan Undang-Undang, *Section 11 (3)* - Akta Kebangsaan Negara Brunei Darussalam *Cap. 15*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola bacakan surat yang diterima oleh salah seorang pemohon melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang menyatakan:-

Keputusan Ujian Bahasa Melayu:-

Daripada: *Headquarters,
Department of Immigration and
National Registration, Ministry of*

*Home Affairs, Bandar Seri Begawan
dated 7 May 2012.*

Awang,

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa mengikut minit keputusan yang telah disampaikan oleh Lembaga Bahasa Melayu, Awang telah lulus dalam ujian yang Awang duduki pada hari Ahad 26 Jun 2011 bertempat di Dewan Cancellor UBD (University of Brunei Darussalam).

Sehubungan dengan keputusan tersebut, pihak jabatan akan melaksanakan proses seterusnya untuk mengiktirafkan Awang sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara Pendaftaran di bawah Bab 5(1) Akta Taraf Kebangsaan Brunei yang keputusannya akan dimaklumkan kemudian.

Saya berharap menteri yang berkenaan akan dapat menghalusi. Apatah lagi surat ini daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;

2. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkara ini telah kaola timbulkan pada tahun yang lalu. Sekali lagi, kaola ingin menimbulkan satu masalah serius yang dihadapi oleh Penduduk Tetap Brunei yang masih lagi memegang pasport *CI*. Untuk makluman, mereka memanglah pemegang pasport *CI* yang merupakan orang-orang yang berkualiti seperti *businessman*, *expatriate*, dan *professional* dalam bidang masing-masing.

Mereka ini hanyalah dibenarkan masuk ke Singapura, Sabah dan Sarawak tanpa memerlukan visa. Namun mereka tidak dibenarkan masuk ke negara *ASEAN* yang lain tanpa mendapatkan visa lebih dahulu. Memandangkan mereka ini mempunyai kewangan yang memuaskan dan dapat membantu dalam memperkembangkan perniagaan *SME* ke luar negeri, maka kaola memutuskan agar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mengambil inisiatif untuk merundingkan bersama dengan negara-negara *ASEAN* yang lain supaya Penduduk Tetap Brunei yang masih memegang pasport *CI* ini dibenarkan masuk ke negara mereka tanpa mendapatkan visa.

Ini juga akan seterusnya menyenangkan peniaga *SME* untuk mempromosikan produk kita di luar negeri; dan

3. Izinkan kaola membaca dalam bahasa Inggeris. *International Competition to attract foreign investment has increasingly intensify. Brunei has the advantage of political stability, natural resources, and capital good geographical location. How to attract foreign direct investment to Brunei? In my view, it is important to trade a friendly business environment such as streamline directed simplify the business setup application process. Clarify of foreign ownership rules and benefit for the foreign investment in Brunei and allowed foreign company to employs skills foreign workers on technical and management level.*

We must ensure to the foreign investors our long term commitment on foreign investment policy. So that, they will be confident to invest in our country on the long term basis. No foreigners investors will invest in our country where by policy toward foreign investment is unfriendly, uncertainly and unprofitable. A part from oil and gas downstream industry we should attract foreign investment in the industry which are not a labor intensive such as information technology, healthcare education, research and development. As a long term strategy, we should attract knowledge base industry such as financial services, legal, accounting and text advisory sectors where by to invite the

foreign company to setup a regional head office in Brunei.

We should not attract foreign investment in the low cost manufacturing and labor intensive industry due to our small population and strong currency economic of scale. The education system in our country need to be review and change to stood the industry need in order to attract foreign direct investment.

The world has change and our mindset have to change otherwise we will left behind. Subsidies for example special allowances for government from government to local who work in private sectors is not to the key to resolve the unemployment but foreign investment and local investment are the solution for the unemployment problem.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Before I include my speech I wish I would like to thanks and really thanks and congratulate your Honorable Speaker for your most dedicated professional during this session. Thank you very much.

Yang Berhormat Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya cadangkan supaya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan selama 20 minit bagi kita untuk berehat. Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat. Sidang sekarang disambung semula. Kita masih lagi mendengar kenyataan-kenyataan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Perkara IX iaitu Ucapan-Ucapan Penangguhan dan sekarang saya persilakan Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya untuk membuat ucapan-ucapan mereka.

Yang Dimulikan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakan-rakan sejawat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Alhamdulillah kita semua kakitangan kerajaan bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan dan keprihatinan baginda

memberi anugerah Elaun Sara Hidup kepada semua kakitangan kerajaan mengikut kategori masing-masing. Sekali lagi saya mengucapkan syukur alhamdulillah.

Dengan adanya kurnia kepada semua kakitangan dan pegawai-pegawai kerajaan berkenaan, sekurang-kurangnya dapat membantu meringankan beban yang mereka tanggung berikutan dengan kenaikan harga barang keperluan harian yang semakin mahal dan termasuk harga ikan, daging dan keperluan lain yang terdapat di kedai dan di pasar di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Oleh itu melalui Majlis ini disarankan kepada kerajaan supaya mengkaji dan mempertimbangkan untuk memberi Elaun Sara Hidup atau kurnia lain kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkhidmat dengan syarikat-syarikat swasta yang berpendapatan \$2,000 ke bawah mengikut kategori yang diguna pakai kepada pegawai-pegawai kerajaan.

Ini bertujuan selain untuk meringankan beban yang mereka hadapi kerana kenaikan harga barang, ia juga sebagai daya penggalak kepada rakyat tempatan yang mahu bekerja dan berkhidmat di syarikat-syarikat swasta dan secara tidak langsung akan membantu mengurangkan bilangan pengangguran dan pencari kerja. Selain dari itu, perlu juga diberi perhatian kepada bekas

pegawai dan kakitangan kerajaan yang tidak menerima wang pencen persaraan dan Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP) sebagai penghargaan khidmat bakti yang telah mereka sumbangkan dan curahkan kepada anak bangsa dalam sama-sama membangun negara ini sehingga mencapai seperti yang kita semua nikmati sekarang.

Cadangan yang dihadapkan di dalam Dewan ini tidak bermaksud meminta atau mendesak dilakukan dalam keadaan ekonomi masih belum stabil kerana semua lapisan masyarakat amat memahami situasi kewangan negara berikutan turunnya harga minyak yang diluar jangkauan. Insya-Allah, jika keadaan ekonomi pulih nanti perkara ini haruslah difikirkan secara saksama demi kesejahteraan rakyat untuk sama-sama menikmati rezeki yang dikurniakan Allah S.W.T beri kepada Negara Brunei Darussalam.

Adalah tidak keterlaluan bila saya mengatakan kerajaan yang dipimpin oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat pemurah dan prihatin kepada rakyat dan penduduk negara ini selari dengan konsep Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir. Marilah kita sama-sama berdoa kepada Allah semoga keadaan ekonomi negara kembali pulih demi kesejahteraan rakyat dan Negara Brunei

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Darussalam seperti mana yang tercatat dalam Al-Quran:-

"Bahawa setiap kesukaran itu ada kemudahan dan tiap-tiap kesukaran itu ada kemudahannya".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis kerana telah berjaya dengan lancarnya serta harmoni dalam mengendalikan Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini hingga selesai. Kepada Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan diucapkan terima kasih dan syabas kerana telah berjaya menjelaskan segala pertanyaan dan masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Kami hanya menyampaikan masalah rakyat kepada pihak kerajaan seperti mana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa peranan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik adalah sebagai penghubung dan penyampai masalah rakyat yang berada di luar bandar ataupun di bandar.

Seterusnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya ingin berpantun kerana kawan-kawan tadi telah berpantun:-

Mesyuarat berlaku pada Jamadilakhir,
Bulan Islam tahun Hijrah,

Sidang Kedua Belas sudah berakhir,
Petanda Yang Berhormat tamat berhujah.

Mesyuarat Negara di Dewan Utama,
Membincang agenda dalam cadangan,
Selamat tinggal Dewan Negara,
Menabur jasa dalam kenangan.

Dalam mesyuarat perkara biasa,
Tersasul hujah tiada sengaja,
Silap dan salah maaf dipinta,
Kepada peserta yang ada terasa.

Berakhir sudah Permesyuaratan kita,
Meninggalkan kisah yang tidak dapat dilupa,
Berunding bersama kita semua,
Untuk rakyat, bangsa dan negara.

Madu kelulut dikenali sudah,
Mencari jodoh dicadang bersama,
Tidak menyindir bukan jenaka,
Ia perlu dibuat acara.

Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang

Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola lebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah berjaya memimpin dan mempengerusikan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dari awal hingga akhir dengan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua serta dengan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, alhamdulillah persidangan yang berjalan selama 12 hari ini telah berjalan dengan baiknyanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Sudah 5 tahun telah berlalu maka Ucapan Penangguhan kali ini merupakan peluang terakhir bagi kaola untuk berdiri dan bercakap di Dewan yang mulia ini. Kaola tidak akan membuat sebarang ulasan ke atas perkara-perkara yang telah dibincangkan atau ke atas keadaan ekonomi yang dihadapi negara pada masa ini kerana banyak telah diperkatakan mengenainya.

Dalam kesempatan ini, kaola hanya ingin menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah memberikan peluang serta

pengalaman yang sungguh berharga dan mencabar kepada kaola untuk menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik.

Dalam menjalankan tugas sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Yang Dilantik, kaola berharap kaola telah berjaya melakukan atau menjalankan saranan-saranan yang telah dititahkan oleh baginda dalam setiap Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara tumpuan-tumpuan utama yang selalu baginda timbulkan seperti usaha untuk meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi, menaik taraf kesejahteraan rakyat, meningkatkan kualiti pendidikan, kesihatan rakyat serta menangani isu sosial telah pun ditimbulkan oleh kaola setiap kali membincangkan Anggaran Perbelanjaan.

Teguran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak memadai hanya setakat menyebut jumlah peruntukan yang besar tanpa melihat apa dan bagaimana digunakan dengan berkesan merupakan nasihat yang wajib diamalkan oleh setiap Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dari itu, kaola menyambut baik dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), kerana pada tahun ini telah memperkenalkan program dan

performance budgeting yang memudahkan kaola untuk memfokus penganalisan yang dibuat ke atas pencapaian kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya serta sasaran-sasaran yang hendak dicapai oleh setiap kementerian dan jabatan, kaola harap perkara ini akan diteruskan.

Dalam masa yang sama, kaola juga berharap yang kaola telah turut memainkan peranan kaola untuk memartabatkan Majlis yang mulia ini, selaku institusi yang dihormati seperti yang telah disarankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, walaupun hanya sekadar setitik nila yang jatuh di lautan yang luas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik. Kaola dengan hati yang penuh ikhlas tidak lupa mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang penuh sabar memberikan jawapan-jawapan dengan panjang lebar, jelas dan terperinci ke atas perkara-perkara yang telah ditimbulkan.

Fakta-fakta yang dikongsikan dalam ucapan-ucapan mukadimah dan dalam menjawab soalan-soalan yang kaola kemukakan sungguh berguna kepada kaola, kerana ia memudahkan kaola untuk menyampaikan jawapan-jawapan

dan meyakinkan orang awam berhubung masalah dan soalan yang telah mereka kemukakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Sebagai mengakhiri ucapan kaola ini, kaola juga ingin mengambil kesempatan untuk memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, jika terdapat pertuturan bahasa dan suruk langkah (tindak tanduk) dan kurang menyenangkan. Kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan, kaola juga memohon maaf jika terdapat soalan-soalan atau pandangan-pandangan yang disuarakan telah menyakitkan hati dan menyinggung perasaan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Apapun yang disuarakan di Dewan yang mulia ini, hanyalah sebagai perkongsian pandangan dan menyuarakan masalah-masalah yang disuarakan oleh orang ramai dan semata-mata menjunjung amanah yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik kaola/saya juga menyusun jari sepuluh memohon maaf jika ada perkataan, perbuatan serta sebarang keolahan yang tidak diinginkan atau yang menyakitkan hati selama

5 tahun bergaul dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Segala pengalaman pahit dan manis yang kita alami bersama akan menjadi kenangan manis kepada kaola/saya.

Dalam kesempatan ini juga, kaola/saya tidak lupa mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, iaitu seorang yang begitu fasih dan berpengalaman dalam hal ehwal Majlis Mesyuarat Negara yang telah banyak memberikan nasihat dan tunjuk ajar pada kaola. Dan Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada Yang Mulia Timbalan Jurutulis, semua pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara atas bantuan dan sokongan yang telah diberikan. Kaola/saya berdoa, semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan melimpahkan rahmat dan kurnia-Nya atas segala jasa baik yang telah dihulurkan.

Kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis dan pegawai-pegawai serta kakitangan Majlis Mesyuarat Negara, kaola/saya juga tidak lupa memohon maaf jika terdapat sebarang perbuatan yang kurang sopan dan percakapan yang menyinggung perasaan yang sengaja atau tidak sengaja. Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Kaola lebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di atas kebijaksanaannya memimpin Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara dengan lancar dan penuh bermakna serta dalam suasana aman.

Kaola juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan yang begitu tabah mendengar soalan-soalan dan juga saranan-saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik dan memberi penjelasan-penjelasan kepada program-program kemajuan dan perkembangan serta pelaksanaan projek-projek di kementerian masing-masing.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah memperuntukkan sebanyak \$6 bilion bagi memenuhi keperluan rakyat, meskipun negara mengalami kekurangan hasil pendapatan sebanyak \$3.835 bilion, berikutan dengan kejatuhan harga minyak di pasaran

antarabangsa. Kita rasa bersyukur negara kita masih mampu menyediakan sejumlah peruntukan bagi pembangunan negara dan operasi kerajaan. Kita merasa lega dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), bahawa Negara Brunei Darussalam masih mempunyai simpanan (*reserved*) kewangan yang mencukupi untuk menampung keperluan generasi akan datang. Langkah berhemah dan berjimat hendaklah diamalkan oleh rakyat dan penduduk termasuklah pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dan juga kakitangan swasta.

Dalam pembentangan Belanjawan 2016/2017, tema belanjawan ialah **“Mengukuhkan Iklim Perekonomian Bagi Mendukung Pembangunan Berterusan”** yang berfungsi kepada memudah acara perniagaan, meningkatkan aktiviti negara, membina kapasiti dan modal insan dan memelihara kesejahteraan awam.

Huraian bagi tema ini dibuat secara terperinci, belanjawan berpaksi kepada program dan *performance* bajet. Apa yang dihasratkan semua pihak untuk sama-sama meningkatkan usaha lebih berinisiatif serta keluar daripada *comfort zone* untuk meningkatkan produktiviti negara di sektor awam dan sektor swasta. Penglibatan seluruh rakyat dan penduduk dalam sama-sama mendukung raja dengan kerajaan untuk meneruskan pembangunan ini sangat-sangat diperlukan.

Kaola difahamkan bahawa setiap kementerian mempunyai strategi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Strategi ini, termasuklah strategi untuk menangani kelambatan dalam proses pembangunan dan sebagainya. Apa yang dikhuatiri *solution* atau langkah penyelesaian yang dirancang oleh kementerian tidak sampai peringkat pelaksana. Pegawai-pegawai yang diamanahkan hendaklah menanamkan sifat jujur, amanah dan mempunyai nilai-nilai agama Islam.

Kesan penurunan harga minyak dunia melebihi 70 peratus telah memberi kesedaran kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bahawa dasar arah tuju *structure* perekonomian negara ini perlu diubah supaya tidak terus bergantung pada hasil minyak dan gas. Sekarang kerajaan haruslah meneliti dan mengulang kaji semua fokus jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan kemampuan atau stabiliti ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu perkara yang kaola ingin timbulkan ialah mengenai kemudahan dan bantuan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik ini adalah berhubung kait dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2016, saranan-saranan mahupun buah fikiran dan soalan-soalan hendaklah dibuat bukan atas kepentingan diri sendiri atau hanya mendengar dari sebelah pihak sahaja tanpa membuat kajian mendalam mengenainya.

Dalam kesempatan ini, kaola mencadangkan kepada pihak yang berkenaan hendaklah menyediakan Pegawai Penyelidik dan Pembantu Pegawai Penyelidik untuk kegunaan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik pada bila-bila masa diperlukan. Ini untuk mengelakkan perkara-perkara yang kurang signifikan dan tidak strategik dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola juga berharap isu-isu yang abiskaola hadapkan dalam Majlis Mesyuarat Negara ini di sepanjang perkhidmatan abis kaola agar dapat diambil perhatian dan tidak terlepas perhatian kerana isu-isu tersebut adalah juga kepentingan negara, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam jua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Akhir kalam, kaola mengambil kesempatan ini untuk memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, jika terdapat tingkah laku yang kurang sopan dan perkataan yang menyinggung perasaan yang tidak

senghaja. Kaola tutup dengan beberapa rangkap pantun berikut:-

Belajar mengaji pada malam Jumaat,
Habis mengaji menghadap hidangan,
Lima tahun kita bermesyuarat,
Tutur kata yang silap harap maafkan.

Pergi ke pasar bersama Awang Tahir,
Kucing berlari telompat-lompat,
Majlis Mesyuarat Negara tahun terakhir,
Diharap berjumpa di lain tempat.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Terima kasih, Yang
Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan selanjutnya akan dibuat oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi peluang menyampaikan Ucapan Penangguhan ini.

Dengan jatuhnya harga minyak kepada 70 peratus dari *bench marking* harga minyak pada Jun 2014, yang harga

minyak pada masa itu sebanyak USD112 setong, apatah lagi negara kita bergantung dari hasil minyak sebanyak 90 peratus, impak dari kejatuhan harga minyak ini, sesuatu yang amat merunsingkan bagi ketua negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Namun, baginda telah memberi laluan bagi rakyat baginda meneruskan kehidupan yang baik seperti gaji dan bonus yang baginda kekalkan dan belanjawan hanya dikurangkan sebanyak 20 peratus dan menyedari kemewahan dari berharap pendapatan dari hasil minyak sudah menjadi masa yang lalu dan kesedaran ini, baginda mengorak langkah yang probisnes.

Ini nampak baginda sangat prihatin terhadap kesejahteraan rakyat baginda yang sangat ketara dari Wawasan Brunei 2035. Baginda berpandangan jauh bagi menyediakan negara kepada kehidupan yang lebih baik yang terbukti dalam rancangan dan hala tuju Wawasan Brunei 2035 seperti teras utama, rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi, ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan dengan berhasratkan untuk mencapai kecemerlangan 8 kunci utama strategi pendidikan, ekonomi, keselamatan, pembangunan institusi, pembangunan keusahawanan dan perniagaan tempatan, pembangunan

infrastruktur, jaminan sosial dan alam sekitar. Strategi ini sudah ketara, kerajaan akan menuju ke arah tidak akan bergantung penuh pada pendapatan hasil minyak dan gas untuk persediaan negara ini mengikut apa-apa yang telah dikenal pasti.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Pembukaan Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016, kaola ingin memetik sebahagian titah baginda itu antaranya:-

"Begitu juga bagaimana negara dapat menjana pendapatan dan kerajaan menjadi rakan kongsi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat."

"Perhatian perlu diberikan bagaimana memperkasa ekonomi oleh kerajaan sendiri termasuk bagi sektor swasta. Pada setakat ini dasar kerajaan ialah memperkasa sektor swasta. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah konkrit untuk membantu memperbaiki persekitaran perniagaan. Ini termasuk infrastruktur, perundangan yang probisnes."

Kalau diamat-amati titah ini dengan ringkasnya, kerajaan dalam huraian Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan dalam membentangkan

rancangan kementerian-kementerian, sudah pun bersedia untuk menghayati titah baginda itu. Sekarang hanya rakyat sahaja lagi patut menghayati dan mengambil peluang yang disediakan dari Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2016/2017 berjumlah \$5.6 bilion. Dengan perancangan ini, bersesuaian dengan temanya, "Mengukuhkan iklim perekonomian bagi mendukung pembangunan berterusan".

Seperti dititahkan baginda supaya sentiasa tidak meninggalkan kesejahteraan rakyat dan sekarang rakyat perlu untuk tidak akan menghampakan pengorbanan seorang raja yang tidak kendur-kendur mahu rakyat mendapat kemanfaatan dari semua rancangan negara dan mengambil inisiatif bagi memajukan negara demi kepentingan bersama dan mendukung sepenuhnya hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola berasa tidak lengkap ucapan ini kalau tidak menyebut menyambut baik usaha kementerian-kementerian untuk memberi sokongan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, membuat pendekatan dan perundangan negara ini menjadi probisnes seperti penubuhan *DARe (Darussalam Enterprise)*, yang keahliannya terdiri daripada 80 peratus peniaga dan pengusaha tempatan dan pusat perusahaan kecil dan sederhana.

Dengan adanya jentera penggerak perniagaan ini akan dapatlah membimbing peniaga-peniaga turut serta mengambil peluang perniagaan dalam dan luar negara.

Insya-Allah dengan siapnya akan dimaklumkan pada sedikit masa lagi mengenai mengatasi masalah perundangan *Power of Attorney* akan mungkin melegakan kebimbangan para peniaga dalam negara ini. Dengan adanya pemudah cara ini, yakinlah mereka akan melabur berjuta-juta ringgit di negara ini dengan bolehnya mereka membuat pembelian dari tempat mereka tinggal dengan tidak mengingaukan (mengkhawatiri) masalah perumahan mereka lagi.

Sasaran menjelang 2020 pelbagai sektor iaitu penternakan ayam pedaging, sayur-sayuran, industri makanan dan agrimakanan, perikanan, perhutanan dan juga pelancongan yang menyasarkan penjana ekonomi yang bernilai \$800 juta ke \$1 bilion maka penting *target* ini untuk menyumbang besar kepada peningkatan *KDNK*. Ini tidak ketinggalan membina kapasiti dan modal insan bagi memelihara kesejahteraan awam.

Sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Yang Dilantik Dari Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan, kaola sepenuhnya menyokong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai Anggaran Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2016/2017 yang berjumlah \$500 ke \$600 juta.

Kaola tidak lupa juga mengucapkan berbanyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana memberi kepercayaan dan melantik kaola sebagai Ahli Mesyuarat Negara.

Justeru itu, tidak lupa juga memohon maaf jika ada tersilap bahasa, terkasar kata, tersilap persoalan, yang ia semata-mata adalah untuk menjalankan amanah yang diberikan kepada kaola. Kaola sanjung tinggi apa-apa rancangan yang telah dicadangkan menjurus kepada Anggaran Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2016/2017 demi hala tuju yang berdaya tahan seperti dalam rancangan yang telah diperkenankan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola tidak lupa mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua sepanjang mempengerusikan Majlis Mesyuarat Negara dengan bijaksana hingga membawa pelaksanaan mesyuarat yang berjaya menuju ke matlamatnya. Dari itu, kaola berdoa semoga Yang Berhormat Yang Di-Pertua akan sentiasa dirahmati dan diberkati Allah dan sentiasa dalam keadaan sihat walafiat. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Sepanjang 5 tahun penyertaan kaola dalam Permesyuaratan Negara di Dewan yang mulia ini, sedikit pun kaola tidak bermaksud niat yang tidak baik untuk mengingati sumpah dan perakuan yang diangkat, dibuat dan ditandatangani oleh seseorang Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat iaitu Wallahi, Wabillahi, Watallahi.

Dengan selesainya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara 2016 ini maka berakhirilah tempoh lantikan kaola sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kaola memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang lepas ataupun yang baharu dan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik serta warga Jabatan Majlis Mesyuarat Negara. Jika terdapat tersilap bahasa dan tersalah langkah, yang baik hanya datangnya daripada Allah Subhannahu Wata'ala dan yang tidak baik itu daripada hamba-Nya juga. Kaola akhiri dengan serangkap pantun:

Negara indah biarlah bersih,
Pelancong datang terasa aman,
Titah perasmian dijunjung kasih,
Kandungannya pun jadi panduan.

Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Ta'ala Wabarakatuh. Sekian terima kasih
Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

**Yang Berhormat Awang Haji
Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara telah sempurna dilaksanakan. Dalam kesempatan ini kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah memimpin permesyuaratan dengan lancar dan teratur.

Diharap permesyuaratan yang telah berjalan mencapai tujuan untuk memartabatkan Majlis Mesyuarat Negara, sebagai *platform* untuk menilai sistem pentadbiran, pembentukan serta pelaksanaan dasar dan program kerajaan iaitu selain meluluskan perundangan dan belanjawan. Ini untuk memenuhi peranan dan sumbangan Majlis Mesyuarat Negara sebagai institusi negara untuk memastikan keamanan, kestabilan, pembangunan dan kemakmuran negara yang kitani cintai ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Mesyuarat Negara. Ekonomi global sekarang tidak menentu dan harga minyak yang merudum menyebabkan berkurangan pendapatan kerajaan dan telah memberi kesan kepada perancangan dan keutamaan jangka pendek dan sederhana seperti yang tertera dengan pengurangan Belanjawan 2016/2017.

Dalam usaha untuk menjadikan negara lebih bersedia menghadapi cabaran era globalisasi, kaola berharap perancangan dan inisiatif jangka panjang akan ditangani dengan lebih bijaksana dan efektif serta diteruskan dengan secara lebih fokus dan lebih teratur agar negara dapat menghadapi masa hadapan yang lebih terarah dan demi kesejahteraan generasi yang akan datang.

Antara agenda jangka panjang nasional yang pernah kaola sentuh sepanjang permesyuaratan di Dewan yang mulia ini ialah:-

1. Wawasan Brunei 2035. Iaitu untuk meningkatkan kemakmuran negara dengan pencapaian matlamat serta memastikannya mapan dan berterusan. Kaola menyambut baik penggubalan rangka kerja wawasan dan mengalu-alukan insiatif untuk melibatkan pihak swasta dan industri dengan penubuhan badan peneraju khusus. Seterusnya kaola berharap penglibatan golongan muda sebagai generasi Wawasan Brunei 2035 akan dipertingkatkan lagi;
2. Modal Insan sebagai aset negara yang paling berharga. Kaola pernah menyebut mengenai pembentukan Strategi Pembangunan Sumber Tenaga Manusia Kebangsaan berkenaan pada tahun 2013. Kaola berharap badan khas yang bertanggungjawab menyediakan Dasar Perancangan Sumber Tenaga Manusia yang diperkenankan

penubuhannya pada Disember 2013 dan Majlis Perancangan Tenaga Manusia Kebangsaan yang dalam perancangan akan dapat membantu kerajaan untuk merancang penghasilan Modal Insan Negara yang lebih menyeluruh, terarah dan berjadual;

3. Produktiviti. Pertumbuhan ekonomi penting untuk kesejahteraan negara dan berkait rapat dengan peningkatan produktiviti. Kaola pernah menyebut mengenai penubuhan *National Productivity Council* dan telah mencadangkan agar dikenal pasti bidang kemahiran sesuai dengan orang Brunei yang boleh membantu meningkatkan inovasi dan produktiviti.

Kaola juga menyarankan agar dibudayakan dan diinstitusikan pembelajaran sepanjang hayat iaitu sebagai landasan dalam peningkatan produktiviti;

4. Pendidikan. Kaola telah menekankan agar pendidikan awal akan dapat dilaksanakan kerana memberi kesan positif kepada pembelajaran di peringkat berikutnya. Kaola berharap pendidikan awal yang *universal* dan berkualiti tinggi adalah sedia untuk dilaksanakan dan juga untuk menghadapi saingan global, para pelajar negara hendaklah menguasai mata-mata pelajaran sains dan matematik serta dibuat penilaian mengenai pencapaiannya. Ke arah ini, penyertaan negara dalam penilaian *PISA* pada tahun

2018 diharap mencapai tahap yang membanggakan. Sambil itu diteruskan pengukuhan nilai-nilai keagamaan dan kebudayaan dengan berkonsepkan Melayu Islam Beraja bagi melahirkan anak bangsa yang beriman, taat dan berbudaya; dan

5. Sekuriti Kewangan Persendirian. Sekuriti Kewangan Persendirian memanglah tanggungjawab setiap individu, akan tetapi usaha kerajaan untuk sentiasa mengkaji keperluan meningkatkan kadar caruman *TAP* dan *SCP* adalah dialu-alukan, kerana ia dapat membantu untuk menambahkan keyakinan kewangan pada waktu persaraan nanti. Seterusnya kaola berharap strategi Celik Kewangan Kebangsaan akan dapat dilaksanakan agar masyarakat kita akan lebih bijak dalam pengurusan kewangan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu lagi agenda nasional yang kaola ingin sentuh ialah pembangunan keusahawanan. Dalam konteks masa kini, untuk mengurangkan kebergantungan negara pada minyak dan gas dan untuk menjana perekonomian negara yang mapan, sektor swasta perlu diperkembangkan. Seperti mana juga ekonomi maju di dunia, sektor swasta dalam pelbagai sektor diterajui oleh para usahawan.

Oleh itu, tiba masanya persepsi masyarakat untuk lebih positif dan lebih menggalakkan dalam bidang keusahawanan. Kalau kita merujuk

buku panduan telefon negara, kita patut menghargai para usahawan dan syarikat-syarikat perniagaan yang disenaraikan dalam *Yellow Pages* seperti juga kita menghargai mereka yang tersenarai dalam *Blue Pages* iaitu senarai jabatan dan agensi kerajaan.

Ramai berkemungkinan tidak tahu negara kita antara negara dunia yang mempunyai keunikan dalam Muka Surat Biru iaitu senarai agensi-agensi kerajaan dengan tulisan *font 7* sahaja lebih tebal daripada Muka Surat Kuning iaitu senarai bagi syarikat perniagaan. Ini adalah satu petanda yang sektor swasta perlu diperkembangkan dengan lebih cepat lagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Seperti yang diperkatakan kita tidak dapat membangun masa depan untuk golongan muda, akan tetapi kita akan dapat membantu golongan muda untuk masa depan mereka. Kita sekarang menghadapi era globalisasi, era *digital revolution, big data, internet options, professional and social networking* dan *interdependencies* dalam pelbagai aspek. Oleh itu, kita hendaklah mengfokuskan usaha memaju bidang perekonomian dengan memperkembangkan setiap sumber dan aset negara terutama sekali modal insan dengan secara optimum dan mapan.

Selanjutnya hendaklah diutamakan *learning opportunities* iaitu dalam pembentukan dan pelaksanaan polisi kerajaan, rangka kerja perundangan, pembentukan amalan terbaik,

pembangunan modal insan dan sebagainya. Selain itu hendaklah juga dipertingkatkan lagi kestabilan persekitaran makro perniagaan, terus memperbaiki kedudukan negara dalam *Ease of Doing Business ranking* dan pembentukan polisi, memperkukuhkan ekosistem perniagaan.

Kita percaya generasi usahawan muda negara akan mengutamakan *self-reliance* atau berdikari sebagai asas pembangunan jati diri dalam menghadapi cabaran-cabaran. Kita juga merasa yakin mereka akan bersemangat dalam apa jua bidang keusahawanan yang diceburi, sentiasa meningkatkan keupayaan dengan berlandaskan pengetahuan dan meneruskan belajar untuk belajar, berada di barisan hadapan dalam bidang keusahawanan untuk menyumbang kepada pertumbuhan perekonomian negara. Insya-Allah dengan peningkatan persepsi, pengiktirafan dan galakan masyarakat serta dengan peningkatan usaha bersepadu kerajaan untuk memperkasa usahawan dan sektor swasta dan semangat berdikari dan usaha gigih usahawan muda akan bertambahlah para usahawan negara yang berjaya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi mengakhiri ucapan kaola ini, kaola hanya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar negara kita akan sentiasa aman dan makmur dan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.
Wassalamu 'Ala Manittaba'el Huda.
Alhamdulillah Rabbil'alamin Wassalaatu
Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiya
Walmursalin Sayyidina Muhammaddin
Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi menyampaikan Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini.

Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, selama beberapa hari kita bersidang di Dewan yang mulia ini persidangan telah dapat berjalan dengan lancar. Kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kerana dengan kebijaksanaan dan kewibawaan pimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dibantu dengan dedikasi Yang Dimulihkan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis sepanjang persidangan yang telah berjaya menfokuskan perbincangan kepada Anggaran Rang Belanjawan 2016/2017 sebagai agenda utama

dalam persidangan, di samping berjaya memandu persoalan dan isu lain yang tidak kurang pentingnya untuk disuarakan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan yang sangat berharga ini izinkan kaola menyentuh mengenai penglibatan kaum wanita yang sama-sama turut serta berperanan dalam membangun dan memajukan Negara Brunei Darussalam, baik dalam sektor awam, swasta dan dalam pertubuhan bukan kerajaan di negara ini.

Dengan pendidikan percuma yang selama ini dinikmati oleh rakyat dan penduduk telah memberikan peluang yang sama antara kaum lelaki dan kaum wanita untuk memberi khidmat bakti pembangunan dan kemakmuran negara, sama ada dalam sektor awam mahupun sektor swasta sebagai seorang ahli masyarakat, seorang isteri atau ibu dalam keluarga dan rumah tangga.

Golongan wanita yang berpendidikan tinggi sudah sama setanding dengan golongan lelaki, malah tidak dapat disangkal akan jumlah wanita lebih ramai dibanding lelaki di institusi-institusi pendidikan tinggi di negara ini. Peratus pekerja warga perkhidmatan awam dalam kalangan wanita juga sudah hampir menyamai jumlah pekerja lelaki.

Namun, pada hakikatnya kebanyakan pekerja wanita bekerja di peringkat pertengahan berbanding di peringkat atasan hanya sebilangan kecil sahaja

daripada kalangan wanita diberi kepercayaan untuk memegang jawatan-jawatan tertentu.

Menurut statistik Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 2014, jumlah pegawai wanita yang berkhidmat dalam Bahagian I seramai 269 orang berbanding 615 pegawai lelaki. Berbeza dalam Bahagian II, seramai 6,164 pegawai wanita berbanding 3,691 orang pegawai lelaki.

Dengan prestasi kerja yang cemerlang, berdedikasi dan berpotensi dalam kalangan pegawai-pegawai wanita adalah diharapkan mereka juga diberikan peluang untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi kerana dengan adanya wanita berada di peringkat lebih kanan dalam pentadbiran kerajaan, bukan sahaja akan dapat membantu mengetengahkan isu berhubung dengan kemaslahatan wanita, keluarga dan masyarakat malahan akan turut sama berperanan dalam mencorak kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Inilah juga yang dapat saya fahami antara inti sari pengajaran dari petikan ayat suci Al-Quran dalam surah At-Taubah tafsirnya: "Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, sebahagian mereka adalah penolong bagi sebahagian yang lain, mereka menyuruh yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah,

sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin menyatakan rasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dihadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana kepercayaan baginda melantik kaola sebagai salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik.

Dengan ilmu dan pengetahuan serta pengalaman yang sedikit, kaola telah berusaha sedaya yang kaola mampu untuk menunaikan amanah besar yang dimandatkan kepada kaola dalam memberikan sumbangan yang optimumnya dalam Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara. Khasnya dalam membincangkan dan membahas peruntukan kewangan yang seringkali diperingatkan kepada abiskaola sepanjang persidangan supaya perbincangan tidak jauh tersasar kepada isu-isu yang tidak berkaitan.

Semasa persidangan yang hanya diadakan sekali dalam tempoh setahun, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan kebenaran untuk abiskaola mengongsikan isu-isu lain

yang tidak kurang pentingnya untuk disuarakan dalam Dewan yang mulia ini yang juga berkaitan kemaslahatan negara dan rakyat dari isu yang dianggap biasa dan remeh sahaja hinggalah isu yang lebih besar telah dibahas sebagaimana Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Yang Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara yang dapat dipetik, baginda menyeru kepada Ahli-ahli Mesyuarat Negara supaya dapat meneruskan serta melipatgandakan usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk negara ini. Baginda juga bertitah supaya apa jua permasalahan itu perlu ditangani dengan baik dan sempurna dengan jalan berunding semoga usaha-usaha yang kita buat akan menghasilkan buah yang baik dan ranum untuk semua.

Apa yang diharapkan hasil dari perbincangan tersebut, sedikit sebanyak ada jua manfaatnya untuk dijadikan sama ada sebagai bahan tambahan pemikiran, idea sokongan dan seumpamanya sehingga tidaklah sia-sia pelantikan kaola sebagai Ahli Mesyuarat Negara yang kaola junjung tinggi.

Begitu juga sebarang cadangan dan saranan yang diberikan dan kaola rasa terkilan dengan kenyataan Yang

Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa tidak ada cadangan atau saranan bersifat strategik telah disuarakan selama ini. Namun dari pengamatan kaola, ia juga menuju kepada hala tuju dan matlamat Wawasan Brunei 2035 dan juga sejauh ini daripada pengamatan kaola terdapat beberapa saranan yang telah pun diterima pakai oleh pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu lagi perkara yang kaola ingin sarankan di dalam Dewan yang mulia ini, jika tidak menjadi kesalahan. Kita belum lagi mempunyai perwakilan di kalangan anak-anak muda belia yang kita sangat maklum bahawa mereka ini mempunyai aspirasi yang selaras dengan kehendak dan keperluan masa kini. Sesuai mereka ini sering kita sebut-sebut sebagai aset negara, sebagai generasi pelapis kepimpinan masa depan dan lain-lain julukan yang merujuk kepada memberi semangat dan motivasi kepada golongan yang akan jadi peneraju kepimpinan masa depan negara.

Dengan adanya pandangan dan cadangan untuk didengar dan dibahas di Dewan yang mulia ini oleh wakil belia yang berpotensi khasnya dalam bidang yang menjadi keutamaan. Insya-Allah hasrat dan visi negara yang diterjemahkan dalam slogan tema 'Generasi Berwawasan' akan lebih bermakna dan dapat dicapai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi kaola mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Jabatan Majlis Mesyuarat Negara di bawah pimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dibantu oleh Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan Jurutulis, pegawai-pegawai dan kakitangan Majlis Mesyuarat Negara serta siapa sahaja yang terlibat yang sentiasa berkerja keras dan bersungguh-sungguh semata-mata untuk kejayaan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Kaola berdoa semoga segala usaha dan kerja gigih tersebut akan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagai penutup ucapan ini kaola sudahi:-

Dari Brunei ke Bandar Miri,
Singgah Sebentar ke Pekan Seria,
Selesai sudah tugas diberi,
Semoga Allah Ta'ala memberkatinya.

Bunga Seroja di atas para,
Dipetik oleh gadis rupawan,
Andai kata tersilap bicara,
Kemaafan jua kaola pohonkan'.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar beberapa Ucapan Penangguhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Berbagai-bagai saranan juga telah pun diutarakan dan saya kira *mood* kita yang agak berlainan daripada waktu

kita berbincang mengenai belanjawan. Maka untuk rancangan kita seterusnya saya cadangkan supaya Persidangan Majlis Mesyuarat kita ini, kita tangguhkan dahulu untuk kita berehat dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada petang nanti seperti biasa pukul 2.30 petang.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)